

16 NOV 1999

Koh - Laporan

KERAJAAN P.PINANG EDAR LAPORAN PRESTASINYA KEPADA RAKYAT

PULAU PINANG, 16 Nov (Bernama) -- Kerajaan Pulau Pinang akan menyediakan "rekod laporan" prestasinya untuk diedar sehari sebelum atau pada hari penamaan calon, Sabtu ini.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata rekod itu akan mengandungi maklumat terperinci mengenai apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional di negeri itu dan menyenaraikan program-program tindakan yang bakal dijalankan untuk kepentingan rakyat.

"Kad laporan itu akan diedar bersama-sama dengan manifesto BN supaya maklumat dan gambaran yang jelas dapat disampaikan kepada golongan sasaran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pengurusan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Tempat Kerja untuk Pembangunan Mapan Dalam Abad ke-21.

Koh juga berkata BN akan berusaha mendapatkan sokongan golongan yang belum membuat komitmen kepada mana-mana parti dalam kempennya menjelang pilihan raya umum ke-10, 29 Nov ini.

"Kumpulan ini sebenarnya berfikiran terbuka tetapi belum membuat pilihan dan mereka sentiasa mahu membuat penilaian sebelum memutuskan pilihan masing-masing," katanya.

Ketika ditanya mengenai senarai calon-calon BN Pulau Pinang, Koh yang juga Pengerusi BN Negeri berkata, senarai itu akan diputuskan secara muktamad sama ada malam ini atau esok sebelum diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengumumkannya.

"Tunggulah hari penamaan calon untuk mengetahui siapa calon sebenar yang akan bertanding di negeri ini," katanya.

Terdahulu itu, dalam ucap utama pada persidangan itu, Koh berkata selain daripada keperluan mendapatkan gaji yang baik, peningkatan produktiviti dan pemindahan teknologi, pekerja juga mahu persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

Untuk itu, beliau mencadangkan supaya pembentukan kumpulan-kumpulan kerja diselaraskan dengan perjalanan organisasi sedia ada seperti Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia dan tidak perlu mewujudkan sebuah badan khas hanya untuk menjaga aspek keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan.

Persidangan dua hari itu dihadiri 200 peserta yang mewakili pelbagai sektor di negeri itu.

-- BERNAMA

ZU MAI